

21/06/2001

Dr M puas hati kelicinan perhimpunan

MAJLIS Tertinggi (MT) Umno berpuas hati dengan perbincangan perwakilan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita yang berlangsung semalam.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata MT sudah menerima laporan hasil perbincangan kedua-dua perhimpunan itu dan gembira dengan kelicinan perjalanannya.

"Saya lihat tidak ada banyak masalah yang timbul kecuali pada Perhimpunan Pemuda, semua perwakilan yang menjadi wakil dipilih secara undian bagi perhimpunan esok (hari ini).

"Bagi Wanita Umno, awal-awal lagi mereka sudah memutuskan lima daripada kalangan exco dan lima dari perwakilan negeri," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT malam tadi.

Dr Mahathir berkata, Perhimpunan Agung Umno esok hari akan membincangkan tiga usul iaitu ucapan terima kasih Presiden, pendidikan dan ekonomi serta agama.

Beliau berkata, dalam usul ucapan terima kasih Presiden saja, semua perwakilan setiap negeri diberi peluang bercakap dengan lebih panjang.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, bagi usul pendidikan dan ekonomi serta agama, hanya lapan perwakilan diberi peluang menyampaikan usul masing-masing.

"Bagi membincangkan usul pendidikan dan ekonomi, lapan perwakilan dibenarkan bercakap iaitu dua yang dipilih sebagai pencadang dan penyokong manakala enam membincangkan usul," katanya.

Bagi perbincangan usul agama, beliau berkata, lapan perwakilan juga ditetapkan tetapi perwakilan yang dipilih adalah dari negeri yang belum membincangkan usul pendidikan dan ekonomi.

Perhimpunan kali ini dijangka dihadiri 2,027 perwakilan daripada 165 bahagian Umno di seluruh negara.

(END)